Yang Indah Itu Bahasa

YIIB Literasi Tinta

RUANGAN KELOLAAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SARAWAK

Berminat untuk menulis, sila hubungi **Editor YIIB** di talian **082-227000**, atau e-melkan kepada **sfaiqah@dbp.gov.my** dan **penerbitan.dbpsar@dbp.gov.my**

Analisis Bahasa dalam Hikayat Panglima Nikosa

Oleh Mary Fatimah Subet

HIKAYAT Panglima Nikosa (HPN) merupakan sebuah salinan naskhah yang dihasilkan secara cetakan litografi oleh Ahmad Shawal bin Abdul Hamid pada tahun 1876 di Kuching dan telah ditemui tersimpan di Rhodes House Library, Oxford. Ada kenyataan yang menyatakan bahawa risalah ini merupakan antara risalah berlatarbelakangkan Borneo (*a collection of Borneon pamphlets*) dan berada dalam simpanan Sir Hugh Low yang pernah berkhidmat dengan James Brooke sebelum menjadi Residen Perak pada tahun 1877. Penulisan ini bertujuan membincangkan aspek bahasa dalam Hikayat Panglima Nikosa (HPN).

Hikayat Panglima Nikosa mengisahkan tentang seorang pemuda yang bernama Nikosa yang berasal dari Timur. Dalam artikel ini, pengkaji terlebih dahulu cuba mengemukakan makna di sebalik kata "Timur" yang digunakan dalam HPN sebagai latar tempat berlakunya kisah Panglima Nikosa seperti yang dikemukakan dalam petikan ini:

"*Alkisah maka adalah diceterakan oleh orang yang empunya cetera ini, maka adalah pada zaman ini di dalam negeri yang di sebelah timur maka adalah seorang yang bernama Nikosa ..."(HPN, m/s 20)*

Penulis HPN ialah Ahmad Shawal Abdul Hamid yang berasal dari Sumatera. Apakah makna tersirat dalam kata "Timur" ini? Sungguhpun HPN tidak secara jelas memberikan latar tempat cerita ini di Sarawak, tetapi berdasarkan tanaman yang ditanam serta latar tempat telah memberi gambaran bahawa pengisahan dalam HPN ini berlaku di Sarawak. Berdasarkan pendekatan dalam kajian semantik inkuisitif yang telah diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014), yakni kajian yang secara dasarnya mengkaji akal budi serta falsafah masyarakat, misalnya kajian yang melibatkan bahasa (data-data kajian boleh terdiri daripada data bahasa kiasan, bahasa-bahasa puitis kesusasteraan moden seperti personifikasi, hiperbola, metafora dan sebagainya), pengkaji telah meletakkan beberapa maklumat konteks yang dapat mengaitkan kata "Timur" ini dengan negeri Sarawak.

Kenapa "Timur" ini penulis nyatakan sebagai negeri Sarawak, sedangkan HPN tidak menyatakannya secara jelas? Tanpa melalui analisis tahap 1 semantik skrip dan berpandukan analisis tahap 2 semantik resonans dan analisis tahap 3 semantik inkuisitif, justifikasi awal boleh dilakukan dengan mengambil kira maklumat konteks yang sedia ada. Maklumat konteks ini biasanya diperoleh dalam analisis peringkat semantik resonans yang mengaitkan data dengan keupayaan kognitif penutur. Dalam konteks ini, Ahmad Shawal telah memaparkan beberapa konteks lokal/tempatan dalam penulisan HPN yang sekali gus membantu mengesan makna "Timur" berdasarkan beberapa bukti konteks misalnya dari segi simpulan bahasa, pengaruh bahasa tempatan, dan penyebutan nama tanaman yang ada di Sarawak seperti buah *angkalak*, pokok *mulong* dan *lemantak*. Namun, semua ini perlu pembuktian yang lebih saintifik supaya dapatan kajian lebih tepat, sahih dan dapat dipertanggungjawabkan. Oleh itu, pengkaji hendak mencadangkan pendekatan semantik inkuisitif untuk merungkai makna yang tersirat di sebalik sesuatu data dalam bentuk bahasa dalam HPN ini.

Seterusnya, nama watak Panglima Nikosa dalam risalah ini menarik juga untuk ditelusuri dari sisi etimologi. Etimologi ialah cabang daripada ilmu linguistik yang mencari asal usul sesuatu perkataan serta perubahan pada bentuk dan maknanya. Terdapat perkataan-perkataan yang telah diambil daripada bahasa lain yang kemudiannya berlaku perubahan kepada bentuk asal perkataan tersebut. Pada kebiasaannya, dengan meneliti naskhah tua seperti HPN ini (yang "berusia" sekitar 145 tahun) dan kemudian dilakukan perbandingan dengan bahasa-bahasa lain, pakar etimologi cuba untuk membentuk semula asal-usul sesuatu perkataan. Antara aspek yang diteliti ialah sumber perkataan, perubahan bentuk dan perubahan makna perkataan apabila diserap ke dalam bahasa sasaran. Antara kaedah untuk mencari maklumat asal-usul sesuatu perkataan ini adalah dengan membandingkan perkataan-perkataan dalam bahasa yang saling bertautan. Dari sinilah biasanya pakar etimologi dapat mempelajari bahasa kuno yang merupakan "generasi yang lebih lama". Dengan cara ini, akar bahasa yang telah diketahui dapat ditelusuri jauh ke belakang kepada asal-usul keluarga bahasa Austronesia.

Terdapat beberapa pandangan sarjana dan ahli bahasa serta budaya yang telah meletakkan risalah ini sebagai sebuah novel (pengkaji lebih gemar menggunakan risalah kerana HPN ini merupakan antara koleksi risalah dalam simpanan Sir Hugh Low, sehinggalah HPN ini dapat digazetkan sebagai sebuah novel). Dalam beberapa siri perbincangan yang mencakupi HPN ini, dapat dikatakan bahawa HPN ini berlatarbelakangkan negeri Sarawak. Sejauh mana kebenaran kenyataan ini? Oleh sebab itu, antara perkara yang boleh kita telusuri dahulu adalah dengan menjejaki asal usul nama Nikosa. Etimologi kata Nikosa boleh dirungkai melalui kajian-kajian yang lebih saintifik. Sebagai persoalan awal, adakah nama Nikosa ini terdapat dalam bahasa Melayu secara amnya, dan dialek Melayu Sarawak secara khususnya? Dengan membandingkan perkataan-perkataan dalam bahasa yang saling bertautan, perkara ini boleh dirungkai.

Dalam usaha menjejaki nama Nikosa ini, pengkaji telah berusaha mendapatkan beberapa pandangan daripada ahli bahasa dan budaya. Antara dapatan maklumat yang dapat dikongsi di sini adalah terdapat pandangan yang menyatakan bahawa nama Nikosa ini berasal daripada bahasa Arab. Apakah justifikasinya? Ketika HPN ini dihasilkan, iaitu pada tahun 1876, Tanah Melayu telah menerima kedatangan pedagang asing sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi, sekitar abad ke-15. Ahmad Syawal berasal dari Sumatera, pernah bekerja dengan pihak Inggeris, pernah berada di Tanah Melayu Semenanjung, suka mengembara dan oleh itu secara langsung atau tidak telah terdedah dengan pengaruh bangsa asing, seperti bangsa Arab dan bangsa Inggeris. Maka, berbalik kepada asal usul nama Nikosa ini, adakah terdapat kemungkinan nama ini berasal dari bahasa Arab?

Alasannya, dalam bahasa Arab itu ada huruf nun, kaf dan shad, atau nun, kaf dan sha. Menurut pakar bahasa Arab (Roslan Ali, komunikasi peribadi, 29 Julai, 2021), "Nikosa" membawa beberapa pengertian. نقص maknanya kurang yang biasanya bacaannya ialah "naqasa" dalam bahasa Arab Standard. Kata terbitan bagi "naqasa" ialah "naqqasa"= mengurangkan (KK), "naqasa" ialah kurang (KK), dan "naqsun"= kurang (KN). Namun jika kata akarnya ialah nun, kaf dan sha dengan bacaan نشق "naaqasya", ertinya bincang. Terdapat juga perkataan "Naqussu" yang bermaksud kami menceritakan/mengisahkan, sementara "Nuqisa" pula bermakna dikurangkan. Ini antara makna-makna yang terbit daripada 3 huruf yang terdapat dalam kata "Nikosa" iaitu, "nun, kaf, shad", atau "nun kaf, sha".

Jadi, apakah makna "Nikosa"? "Nikosa" dalam bahasa Arab tidak mempunyai makna yang khusus, namun masih mengekalkan bunyi dalam bahasa Arab daripada huruf nun, qaf dan shad tadi, tetapi telah tersasar sedikit dari segi fonetiknya. Misalnya, sebagai contoh, dalam bahasa Arab sebutan haiwan – zarafah, sementara dalam bahasa Melayu sebutan haiwan zarafah ini ialah zirafah. Contoh lain, dalam bahasa Arab ada kata "wadak" tapi dalam bahasa Melayu sebutannya ialah widak. Oleh itu, kemungkinan pengaruh bahasa Arab wujud dalam nama "Nikosa" ini.

Tidak cukup menelusuri bahasa Arab ini, Awang Azman Awang Pawi (komunikasi peribadi, 27 Julai, 2021) berpandangan bahawa "Nikosa" itu berbaur Greek kerana dalam bahasa Greek ada nama "Nikolaos". Menurut beliau lagi, selain bahasa Greek, nama "Nikosa" ini juga ada unsur bahasa Inggeris iaitu "Nicholas". Kenapa berlaku pengaruh seperti ini? Hal ini kerana, kita tidak dapat menolak pengaruh bahasa asing dalam sesetengah pemberian nama kepada orang Melayu itu sendiri. Misalnya, nama Aminah, jika disingkatkan menjadi "Amy" sahaja telah menunjukkan adanya pengaruh bahasa Inggeris. Beliau menyatakan bahawa pengarang seperti Tun Seri Lanang sangat luas ilmu tentang dunia ini. Maka begitu jugalah dengan Ahmad Syawal Abdul Hamid.. Tidak dapat disangkal bahawa Ahmad Syawal orang yang "suka berjalan" (mengembara), berilmu, suka mengkaji dan banyak membaca. Maka tidak hairanlah, etimologi nama "Nikosa" merupakan nama bersifat sejagat yang telah "diperibumikan" atau lebih tepat menurut beliau, nama peribumi namun bersifat sejagat.

Pencarian etimologi nama "Nikosa" ini tidak terhenti setakat itu. Nama Nikosa terus diselidiki asal-usulnya sebab satu persoalan yang berlegar dalam pemikiran pengkaji ialah jika bukti mengarah kepada HPN ini merupakan hikayat pertama, malah ada sarjana menyatakan HPN ini sebagai novel Melayu pertama dalam Kesusasteraan Melayu Malaysia secara amnya, dan Kesusasteraan Melayu di Sarawak secara khususnya, namun melalui pemerhatian pengkaji, nama ini tidak terdapat dalam kumpulan nama-nama orang Melayu Sarawak. Kenyataan ini tidak dilakukan secara sewenang-wenangnya. Perlu ada pembuktian untuk menyokong pernyataan ini. Menurut Abang Seruji Abang Muhi (komunikasi peribadi, 28 Julai, 2021), tidak terdapat nama seperti nama "Nikosa" ini dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak. Jika ada pun nama-nama daripada pengaruh asing ini, kebanyakannya berasal dari pengaruh Jawa dan Bugis. Dalam bahasa peribumi yang lain di Sarawak seperti dialek Melayu Sarawak, bahasa Bidayuh dan bahasa Melanau juga tidak menunjukkan ada kaitan unsur sebutan dengan nama Nikosa ini.

Penemuan yang lebih menarik diperoleh pengkaji apabila meneliti bidang numerologi bahasa Indonesia. Nikosa diguna sebagai pemberian nama dalam masyarakat Indonesia (https://namamia.com/arti-nama/nikosa.html). Dalam paparan pada laman sesawang ini, nama "Nikosa" ini menjelaskan seseorang yang memiliki bakat menulis atau seni. Secara alamiah, ia seperti tidak pernah lelah sekali gus gigih dibandingkan dengan orang lain. Orang ini menuntut kesempurnaan dalam segala hal dan mempunyai keperibadian seperti bertanggungjawab, melindungi, merawat, bermasyarakat, seimbang dan bersimpati. Pengkaji mendapati kualiti yang ada pada nama ini terjelma dalam watak Nikosa dalam HPN ini. Adakah nama "Nikosa" ini berasal dari Indonesia? Makna yang ditemukan ini hampir dengan maklumat konteks yang mengaitkan watak Ahmad Syawal itu sendiri yang berasal dari Indonesia. Nama Nikosa ini telah disahkan terdapat penggunaannya dalam Bahasa Indonesia (Saninah Saad, komunikasi peribadi, 2 Ogos, 2021). Maka benarlah kenyataan Awang Azman Awang Pawi bahawa terdapat nama yang bersifat sejagat yang telah "diperibumikan" atau lebih tepat menurut beliau nama peribumi namun bersifat sejagat. Maka, makalah ini meletakkan bahawa nama "Nikosa" ini merupakan nama yang digunakan dalam memberi nama kepada masyarakat Indonesia. Kajian ini hendak mencadangkan supaya dilakukan kajian lanjut untuk mendapatkan pembuktian yang lebih tepat dan sahih, terutama apabila ada usaha untuk mengangkat risalah ini dan seterusnya mendapat pengiktirafan UNESCO sebagai novel Melayu pertama di dunia oleh pihak yang berkenaan.

Seterusnya, penelitian terhadap bahasa penulisan HPN mendapati bahawa HPN juga tidak terkecuali daripada pengaruh bahasa tempatan, khususnya pengaruh Dialek Melayu Sarawak (DMS). Pengkaji mendapati, pengaruh DMS ini dapat dilihat dari segi pemilihan diksi dan penggunaan bahasa kiasan yang ditemui dalam konteks sosial dan ekonomi. Penggunaan bahasa kiasan daripada kategori simpulan bahasa ditemui dalam HPN apabila penulis memperkenalkan watak Nikosa (sebelum digelar Panglima Nikosa). Simpulan bahasa "angkat-angkat bujang" merupakan simpulan bahasa yang terdapat dalam masyarakat Melayu Sarawak yang merujuk kepada umur akil baligh. Simpulan bahasa ini dikemukakan dalam HPN pada awal pengisahan hikayat ini. Menurut Abang Seruji Abang Muhi (komunikasi peribadi, 29 Julai, 2021), simpulan bahasa "angkat-angkat bujang" ini boleh dimasukkan sebagai simpulan bahasa Melayu Sarawak yang membawa maksud bahawa seorang kanak-kanak lelaki itu telah mula masuk ke peringkat awal alam remaja atau akil baligh.

Selain itu, terdapat juga penggunaan kata "uma" (yang digugurkan fonem "h" dalam kata "huma" (huma merujuk kepada "ladang padi", tanah yang baru dibuka (ditebas hutannya); berhuma (mempunyai huma; mengerjakan huma (bercucuk tanam di huma). Fenomena fonologi ini merupakan salah satu ciri dalam DMS yang menggugurkan fonem "h" pada awal kata yang bermula dengan huruf "h" seperti dalam kata "utang" (hutang), "ujan" (hujan), "ujong" (hujong), "anco" (hancur) dan sebagainya. Seterusnya, terdapat juga kata "lepak" ("e" ialah bunyi "e pepet") yang merujuk kepada makna bekas/tanda sesuatu, seperti tanda kaki, sepatu, tayar dan sebagainya.

Selain pengaruh dialek Melayu Sarawak, HPN juga menunjukkan adanya ciri-ciri pengaruh Bahasa Melanau, terutama yang berkaitan dengan sumber ekonomi iaitu bidang pertanian. Terdapat penggunaan kata "mulong" dan "lemantak". Terdapat juga penggunaan nama tanaman yang popular di Sarawak, iaitu buah "*engkalak/angkalak*", salah satu tanaman masyarakat Iban di Sarawak namun turut popular dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak. Hal Ini juga menjadi bukti bahawa kata "Timur" dalam HPN ini merujuk kepada negeri Sarawak. Terdapat juga pengaruh bahasa kaum peribumi Dayak Sarawak, iaitu perkataan *mengayau* dijumpai dalam penulisan HPN ini. *Mengayau* menurut PRPM, Dewan Bahasa dan Pustaka merujuk kepada bahasa sukuan masyarakat Iban yang bererti berperang.

Untuk perbincangan seterusnya, pengkaji melihat keseluruhan medium bahasa yang digunakan untuk menghasilkan risalah ini. Jelas, HPN dihasilkan menggunakan laras bahasa Melayu klasik. Laras bahasa Melayu lama atau juga dikenali sebagai laras bahasa Melayu klasik menunjukkan perbezaan yang sangat ketara dengan bahasa Melayu moden. Perbezaan ini dapat dilihat dari segi penggunaan perkataan, frasa dan juga ayat serta strukturnya. Laras bahasa Melayu klasik yang digunakan dalam HPN ini melibatkan beberapa ciri, antaranya ialah struktur ayat yang panjang dan berbelit-belit. Selain itu, ayat-ayat teks klasik dalam HPN ini didapati dimulai dengan kata-kata penghias seperti maka dan al-kisah. Terdapat banyak perkataan usang/kuno yang sudah tidak lagi digunakan dalam bahasa Melayu moden juga terdapat dalam HPN, contoh kata "ceritera" (cerita), kata "delapan" (lapan), kata "seraya" (sambil/serta) dan kata "pasal" (fasal/dokumen undang-undang).

Laras bahasa istana turut dipaparkan dalam HPN. Walaupun HPN tidak jelas menyebut perihal raja/sultan dalam penceritaannya, namun HPN memaparkan penceritaan yang berkaitan dengan pemerintah dan ketua dalam sesebuah masyarakat. Dalam konteks HPN, ayah Panglima NIkosa ialah ketua dalam masyarakatnya dan kemudian Nikosa pula telah diangkat sebagai ketua yang digelar Panglima Besar. Walaupun penulis tidak secara terang-terangan menyatakan bahawa Nikosa dan ayahnya berketurunan raja, namun wujud penggunaan laras istana dalam HPN ini seperti kata "beta" dan kata "hamba/tuan hamba" (kata ganti nama diri pertama/kedua untuk kesantunan berbahasa dengan golongan pembesar zaman kesultanan lama).

Selain itu, turut terdapat penganuh bahasa asing seperti Bahasa Arab (berkaitan agama Islam) terutama dalam penyebutan nama Allah dan didapati jugaunsur bahasa Sanskrit seperti kata "sembahyang","senjata" dan "harta". Struktur ayat HPN juga bersifat pelbagai kerana terdapat bentuk ayat yang songsang apabila predikat (cerita ayat) mendahului subjek (benda ayat). Ayat aktif dalam bahasa Melayu moden ditulis dalam bentuk pasif dalam HPN,sesuai dengan penggunaan bahasa klasik dalam penulisannya. Terdapat juga banyak pola "pun…lah" yang jarang digunakan dalam bahasa Melayu moden.

Selain itu, HPN turut memperlihatkan banyak unsur bahasa kiasan seperti penggunaan gaya bahasa hiperbola, iaitu gaya bahasa yang berlebih-lebihan, contoh "*...kedengaran jantungnya hendak terbelah dua*", gaya bahasa simile, contoh "*air matanya pun melelehkah sebagai hujan gugur dari langit*" dan "*Maka hati Nikosa pun terlalulah naik besar seperti bulan waktu purnama*". Terdapat juga unsur personifikasi seperti "*...dan tampan rupanya rumah engkau di tengah-tengah...*".

Itulah antara aspek bahasa yang dapat ditelusuri dalam HPN. Analisis yang dilakukan ini dapat membuktikan bahawa HPN ini berlatarbelakangkan negeri Sarawak dan sekali gus dapat membuktikan bahawa HPN merupakan hasil Kesusasteraan Melayu Moden di Sarawak. Walau bagaimanapun, perbincangan dalam artikel ini menuntut kajian yang lebih saintifik dilakukan dengan menggunakan pendekatan teori-teori yang berwibawa supaya hasil kajian dapat dipertanggungjawabkan.

Hari-hari Terakhir Pejuang Kemerdekaan

Kembara merdeka yang panjang
membariskan ramai pejuang ulung
mempertaruhkan darah dan kudrat
bersilat dengan badai yang bergelora

Enam dekad telah diharungi
kota merdeka ini terus berdiri di sini
dikelilingi kubu pertahanan pertiwi
berjuang dengan nyawa dan masa
siap siaga di darat, udara dan samudera

Pejuang pemula yang agung dan ulung
pulang seorang demi seorang
ke haribaan tuhan penuh terhormat
ditinggalnya doa putih dan amanat
buat anak-anak bangsa berdaulat
menjelang hari-hari terakhirnya

Merdeka yang sebenar
apabila hatimu terpasak
pada nilai-nilai kehambaan
mengerti hakikat merdeka
bukan sekadar terlepas cemeti penjajah
tetapi bebas daripada belenggu serakah
penuh sedar betapa berat amanah *qiyadah*
kelak akan disoal dan dipersoalkan tanpa gagal
kerana hakikat merdeka kita kekal tertakluk
pada ketetapan-Nya.

**qiyadah* – kepempimpinan

Dayang Azizah
Petra Jaya
24 Ogos 2021

Mutiara Kata Sasterawan Negara

Tidak akan besar bangsa yang tiada kasihkan bahasanya, tiada kebenaran pada manusia yang tidak dapat melihat kenyataan.

Dipetik daripada sajak "Ceritera yang Kedua Puluh Empat"
oleh
Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh

Sumber: Mutiara Kata Sasterawan Negara
DBP, 2009